

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah
[Limbang]**
TARIKH : **3.4.2014**
SOALAN :

Y.B. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dapatkah Kementerian mempercepatkan pelaksanaan untuk mengganti dan menaik taraf SMK Limbang yang sudah daif dan mempunyai penuntut melebihi seribu orang murid.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memandang serius akan keperluan pembinaan semula sekolah daif bagi memastikan semua rakyat Malaysia mendapat kemudahan pendidikan yang sewajarnya. Sehubungan itu, kementerian telahpun mengemukakan permohonan peruntukan untuk projek mengganti dan menaik taraf SMK Limbang dalam *Rolling Plan* Keempat bagi pelaksanaan tahun 2015 kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, kelulusan permohonan ini adalah tertakluk kepada kedudukan semasa kewangan negara.